



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

5 JANUARI 2024 (JUMAAT)

Suri Rumah Tak Mengaku Campak Anak Kucing Hingga Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	5 Jan



Suri rumah, Nina Norhaslinda Mazlan, 44, didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur hari ini atas tuduhan mencampak anak kucing hingga mati dari tingkat satu sebuah flat di Cheras, bulan lalu.

Kuala Lumpur: Seorang suri rumah didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan mencampak anak kucing hingga mati dari tingkat satu sebuah flat di Cheras, bulan lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Nina Norhaslinda Mazlan, 44, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa secara tidak munasabah mencampakkan seekor kucing dari tingkat satu

sehingga menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap haiwan itu di koridor tingkat satu di hadapan sebuah rumah di Flat Sri Sabah, Cheras, pada 7.35 pagi, 25 Disember tahun lalu.

Oleh itu dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum di bawah seksyen 29(1) akta sama.

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak kurang

daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kuala Lumpur, Fadzilah Abdul Karim manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam prosiding hari ini, Fadzilah memohon jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri sebulan sekali di balai polis berdekatan.

Bagaimanapun, Nina yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan kerana dia hanya seorang suri rumah dan tidak mempunyai pendapatan.

Norina membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin serta tiada syarat tambahan dan 6 Februari ditetapkan untuk sebutan kes bagi lantikan peguam.-[HMETRO](#)

Wanita Didakwa Campak Kucing Hingga Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	Online	5 Jan



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Seorang suri rumah didakwa di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tuduhan mencampak seekor kucing hingga mati dari tingkat satu sebuah flat di Cheras, bulan lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Nina Norhaslinda Mazlan, 44, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa dengan secara tidak munasabah mencampakkan seekor kucing

dari tingkat satu sehingga menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap kucing itu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di koridor tingkat satu hadapan sebuah unit rumah pangsapuri di Cheras di sini pukul 7.35 pagi pada 25 Disember tahun lalu.

Berikutan itu pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum di bawah seksyen 29(1) akta sama yang memperuntukkan

hukuman denda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Terdahulu semasa prosiding pendakwaan Pegawai Pendakwa Fadzilah Abdul Karim dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memohon jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melapor diri di balai polis berdekatan sebulan sekali.

Bagaimapun tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jumlah ikat jamin itu dikurangkan kerana dia hanya seorang suri rumah dan tidak mempunyai pendapatan.

Selepas mendengar permohonan kedua-dua belah pihak, Norina kemudian membenarkan tertuduh diikat RM10,000.

Mahkamah kemudian menetapkan 6 Februari ini bagi sebutan semula kes. – [KOSMO! ONLINE](#)

Suri Rumah Tidak Mengaku Campak Anak Kucing Dari Tingkat Satu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Semasa	Online	5 Jan



Nina Norhaslinda (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Jumaat, atas satu pertuduhan mencampak anak kucing dari tingkat satu sebuah flat di Cheras, sehingga menyebabkan haiwan itu mati, bulan lalu.

KUALA LUMPUR - Seorang suri rumah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini pada Jumaat atas satu pertuduhan mencampak anak kucing dari tingkat satu sebuah flat di Cheras, sehingga menyebabkan haiwan itu mati, bulan lalu.

Nina Norhaslinda Mazlan, 44, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim, Norina Zainol Abidin.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa melakukan kesalahan berkenaan sehingga

menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap haiwan itu, di koridor tingkat satu, hadapan sebuah rumah di Flat Sri Sabah, Cheras, di sini pada jam 7.35 pagi, 25 Disember tahun lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum di bawah seksyen 29(1) akta sama, yang membawa hukuman denda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya,

jika sabit kesalahan.

Semasa prosiding, Pegawai Pendakwa, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Fadzilah Abdul Karim mencadangkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin.

"Ia berserta syarat tambahan iaitu menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melaporkan diri sekali setiap bulan di balai polis berdekatan," katanya.

Bagaimanapun, tertuduh yang tidak diwakili peguam, merayu kadar itu dikurangkan kerana dia tidak bekerja dan tidak mempunyai pendapatan.

Selepas mendengar permohonan daripada kedua-dua pihak, Norina membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin tanpa dikenakan syarat tambahan.-

[SinarHarian](#)

Suri Rumah Didakwa Campak Kucing Hingga Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Utusan Malaysia	Nasional	Online	5 Jan



KUALA LUMPUR: Seorang suri rumah mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan mencampak anak kucing hingga mati dari tingkat satu sebuah flat di Cheras, pada pagi Krismas lalu.

Nina Norhaslinda Mazlan, 44, meminta dibicarakan selepas pertuduhan dibaca di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa secara tidak munasabah mencampak seekor kucing dari tingkat satu sehingga menyebabkan penderitaan yang tidak

sepatutnya terhadap haiwan itu.

Dia didakwa melakukan perbuatan tersebut di koridor tingkat satu di hadapan sebuah unit di di Flat Sri Sabah, Cheras, pada 7.35 pagi, 25 Disember 2023.

Oleh itu dia didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum di bawah seksyen 29(1) akta sama.

Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak kurang

daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kuala Lumpur, Fadzilah Abdul Karim manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam prosiding hari ini, Fadzilah memohon jaminan RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri sebulan sekali di balai polis berdekatan.

Bagaimanapun, Nina yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan kerana dia hanya seorang suri rumah dan tidak mempunyai pendapatan.

Norina membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin serta tiada syarat tambahan dan 6 Februari ditetapkan untuk sebutan kes bagi lantikan peguam. –[UTUSAN](#)

Suri Rumah Didakwa Campak Anak Kucing Sehingga Mati

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Berita	Online	5 Jan



KUALA LUMPUR: Seorang suri rumah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini, atas pertuduhan mencampak seekor anak kucing sehingga mati dari tingkat satu sebuah flat di Cheras pada bulan lalu.

Tertuduh, Nina Norhaslinda Mazlan, 44, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Norina Zainol Abidin.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didakwa secara tidak munasabah mencampak seekor kucing dari tingkat satu sehingga menyebabkan

penderitaan yang tidak sepatutnya terhadap haiwan itu, di koridor tingkat satu di Flat Sri Sabah, Cheras, pada jam 7.35 pagi 25 Disember tahun lalu.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 29(1)(c) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang boleh dihukum bawah Seksyen 29(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih

tiga tahun atau keduanya.

Kes dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Kuala Lumpur, Fadzilah Abdul Karim, manakala tertuduh tiada diwakili peguam.

Fadzilah memohon supaya tertuduh dikenakan ikat jamin RM15,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah dan melaporkan diri sebulan sekali di balai polis berdekatan.

Bagaimanapun, tertuduh merayu jaminan dikurangkan kerana dia hanya suri rumah dan tidak mempunyai pendapatan.

Norina kemudian membenarkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin serta tiada syarat tambahan, dan menetapkan tarikh 6 Februari depan untuk sebutan semula kes.-
[BHOnline](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR